

bah

Mahathir - Kriteria

PEMIMPIN HARUS BERSIFAT PERANCANG JANGKA PANJANG DAN BANYAK IDEA

PETALING JAYA, 24 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata seseorang yang hendak menjadi pemimpin hendaklah bersifat perancang jangka panjang dan kaya dengan idea.

"Saya percaya bahawa pemimpin harus memandang jauh ke hadapan dan tidak untuk kepentingan jangka pendek," kata beliau pada sesi dialog dengan pelajar dan pensyarah Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan yang dikemukakan oleh seorang pensyarah mengenai kriteria yang harus dimiliki oleh pemimpin untuk memimpin negara ke arah masa depan yang gemilang.

Dr Mahathir menyifatkan soalan itu sukar untuk dijawab kerana beliau tidak menjangkanya tetapi berkata seseorang pemimpin tidak seharusnya menjadi pemimpin jika tidak mempunyai idea atau mempunyai hanya idea yang terbatas sama seperti yang dimiliki oleh orang lain.

"Inilah sahaja dua perkara yang boleh saya fikirkan ketika ini," kata beliau. -- lagi.

▼24/08/19-52MST

U GB 24-08 00132 BA680

bah

Mahathir - Kriteria 2 Petaling Jaya

Pada dialog hampir sejam itu, Perdana Menteri menjawab 11 soalan mencakupi hal ehwal kampus, isu-isu dalam negara dan antarabangsa. Terdahulu, Perdana Menteri menutup perayaan sambutan ulang tahun ke-10 UIA.

Yang turut hadir ialah Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Presiden UIA dan Menteri Pendidikan Datuk Amar Dr Sulaiman Haji Daud.

Dr Mahathir berkata jika seorang pemimpin menaruh hasrat untuk mencapai sesuatu dengan jalan yang singkat, maka dia mudah menyeleweng.

"Contohnya, jika anda memikirkan untuk memenangi pilihan raya akan datang," kata beliau disambut dengan tepukan gemuruh.

Ini kerana seseorang yang menaruh hasrat untuk memperolehi kepentingan dengan jalan yang singkat akan "mencuri" kerana "mencuri" membolehkannya mencapai hasratnya itu, kata beliau. -- lagi.

▼24/08/20-01MST

R GB 24-08 00148 BA684

bah

Mahathir - Kriteria 3 Petaling Jaya

Bagaimanapun, jika dia percaya bahawa dia mungkin ditangkap suatu hari nanti, maka dia tidak akan "mencuri" dan masyarakat yang tidak banyak "pencuri" ialah masyarakat yang lebih baik daripada masyarakat yang mempunyai banyak "pencuri."

"Mungkin anda fikir bahawa menjadi popular ialah dengan memberi wang kepada orang dan anda akan berbuat sesuatu seperti itu," kata beliau.

Beliau berkata pemimpin boleh menjadi popular dengan memberi wang tetapi apabila mula memberi wang, yang akhirnya membawanya terjebak dalam amalan rasuah, orang akan meminta lebih dan akhirnya kurang menaruh kepercayaan kepadanya.

Jadi, masa depan tidaklah cerah dan baik untuk negara, kata beliau.

Mengenai cadangan daripada pelajar mengenai kemungkinan menubuhkan "Pasar Bersama Islam", Dr Mahathir berkata, cadangan itu tidak praktikal pada masa ini kerana kebanyakan negara Islam masih bergantung kepada negara lain di dunia. -- lagi.

▼24/08/20-36MST

aae

Mahathir-Islam

USE KNOWLEDGE TO PROTECT ISLAM, PM TELLS IUI UNDERGRADS

93
PETALING JAYA, Aug 24 (Bernama) -- Muslims must pursue all knowledge to be able to contribute towards preserving Islam and the Islamic way of life, Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad said today.

The acquisition of knowledge and skills, intellectual and material wealth was part of their means to preserve Islam, he said.

He said by neglecting knowledge not manifestly related to the religious rituals and the laws governing their practice of Islam, Muslims have become weak and easily oppressed and disillusioned with their faith.

Addressing staff and students of the International Islamic University in conjunction with its 10th anniversary celebrations here, he said failure to master the different disciplines besides religious subjects would expose Muslims to the danger of losing their religion.

He said never had Islam been greatly humiliated as now despite the claim that there was a great Islamic resurgence at the moment. -- more

HK RN

▼24/08/20-10MST

U GE 24-08 00136 KA925

aae

Mahathir-Islam 2 Kuala Lumpur

Due to their material and intellectual poverty and weakness, Muslims had the tendency to be subjected to outside pressures and even to conquest and oppression, he said.

He said women must not be excluded in seeking knowledge towards the preservation of Islam and Islamic way, for doing so would halve the Muslims' strength.

"Unfortunately in the attempt to avoid being distracted by women, we have excluded women from intellectual pursuits and participation in public life," he said.

Dr Mahathir said if Muslims took a too liberal interpretation of Islam, the religion could collapse just like religions in the West.

Dr Mahathir said Muslims should respect the true limits imposed by Islam and abide by them.-- more

HK RN

▼24/08/20-16MST

U GE 24-08 00156 KA926

aae

Mahathir-Islam 3 (last) Kuala Lumpur

Dr Mahathir said the setting up of the IUI was to safeguard true Islamic knowledge in the context of a world that had changed so vastly since the coming of Islam.

The university was also meant to prepare Muslims to face the problems of the modern world with their faith intact and to ensure the Muslim world-view was balanced between life and the hereafter.

The IUI had shown that a properly conceived Islamic university could achieve a level of excellence on par with the more established universities elsewhere, he said.

An Islamic university should not be confined to Islamic theology but to also teach all the subjects taught in other universities.

Only then could it produce well-rounded and knowledgeable students able to contribute to the way of life of Muslims in all aspects. -- Bernama

HK RN

▼24/08/20-24MST